

21 NOV 1997

BN BERMESYUARAT MENGENAI LANGKAH TANGANI MASALAH EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) pagi ini mengadakan mesyuarat untuk membincangkan langkah-langkah kerajaan menangani kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Mesyuarat yang dihadiri oleh ketua-ketua parti komponen BN dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan cadangan Majlis Tertinggi UMNO supaya kerajaan menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) bagi mencari langkah-langkah menangani masalah ekonomi negara.

Majlis tertinggi UMNO pada mesyuarat khas malam tadi yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir memutuskan supaya NEAC ditubuhkan bulan depan bagi menangani kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Turut hadir dalam mesyuarat pagi ini ialah timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan. -- BERNAMA

AH PR